

HADIS AL-GHADIR

Perbahasan kita dimulakan dengan sebuah hadis yang masyhur dikenali sebagai *Hadis al-Ghadir* atau *Khutbah Ghadir Khum*. Hadis tersebut berbunyi:

Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka 'Ali adalah mawlanya.

Pelengkap kepada hadis di atas adalah sabda baginda:

Sesungguhnya 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripadanya ('Ali) dan dia ('Ali) adalah wali bagi setiap orang beriman sesudahku.

Tak kira tempat atau masa, apabila sahaja seseorang itu menemui seorang *Syi'ah* yang ingin menghujahkan mazhabnya, pasti antara hadis pertama yang disebutkannya ialah *Hadis al-Ghadir* di atas. Mereka menjadikannya sebagai hujah seperti berikut:

HUJAH SYI'AH

Dalam perjalanannya kembali daripada *Haji Wida'*, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* kononnya ingin melantik 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* sebagai khalifah penggantinya. Akan tetapi Rasulullah bimbang untuk melantik 'Ali kerana menjangkakan bantahan daripada para sahabat yang lain, *radhiallahu 'anhum*. Kebimbangan Rasulullah tidak diterima oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*, lalu Allah menurunkan ayat berikut:

Wahai Rasul Allah! Sampaikanlah apa yang telah diturunkan kepadamu dari Tuhanmu; dan jika engkau tidak melakukannya, maka bermakna tiadalah engkau menyampaikan risalah-Nya; dan Allah jualah akan memeliharaku daripada manusia. Sesungguhnya Allah tidak memberi hidayah [petunjuk kepada kaum yang kafir. [al-Maidah 5:67][1

Berdasarkan firman Allah: "***Sampaikanlah...***", maka Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah menghentikan perjalanan rombongan baginda di sebuah tempat yang bernama Ghadir Khum. Ia terletak beberapa kilometer selepas Kota Mekah dalam perjalanan ke arah Madinah. Dalam suasana panas yang menyengat, baginda menyuruh para sahabat semuanya mendirikan solat Zohor. Kemudian baginda berkhotbah, di antara mesej terpenting dalam khutbah tersebut ialah sabdanya: .

Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka 'Ali adalah mawlanya.

Pernyataan ***Mawla*** dalam hadis di atas, dakwa *Syi'ah*, bermaksud pemimpin atau khalifah.

Dengan itu yang sebenarnya dimaksudkan oleh hadis tersebut kononnya ialah:

Barangsiapa yang aku adalah khalifahnyanya maka 'Ali adalah khalifahnyanya.

Justeru melalui khutbahnya di Ghadir Khum, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* telah melantik 'Ali sebagai khalifah penggantinya. Jawatan ini akan disandang oleh 'Ali **sesudah** kewafatan Rasulullah kerana dalam sebuah hadis yang lain baginda bersabda:

Sesungguhnya 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripadanya ('Ali) dan dia ('Ali) adalah wali bagi setiap orang beriman sesudahku.

Demikianlah secara ringkas bagaimana *Syi'ah* menjadikan *Hadis al-Ghadir* di atas sebagai hujah. Sekarang marilah kita membahar sejaru mana kekuatan hujah *Syi'ah* ke atas *Hadis al-Ghadir* di atas.

JAWAPAN AHL AL-SUNNAH

Perbahasan kita dibahagikan kepada dua bahagian, yang pertama adalah darjat *Hadis al-Ghadir* manakala yang kedua adalah maksud *Hadis al-Ghadir*.

DARJAT HADIS AL-GHADIR:

Terdapat dua hadis yang perlu diterangkan darjatnya:

Hadis pertama:

Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka 'Ali adalah mawlanya.

Hadis ini adalah sahih. Ia memiliki banyak jalan periwayatan, antaranya dikeluarkan oleh al-Tirmizi di dalam kitab *Sunannya* – hadis no: 3797 (*Kitab Manaqib, Bab Manaqib 'Ali bin Abi Thalib*). Ia diriwayatkan oleh beberapa orang sahabat, antaranya Zaid bin Arqam, Sa'id bin Abi Waqas, Buraidah bin al-Hashib, 'Ali bin Abi Thalib, Abi Ayub al-Anshari, al-Bara' bin 'Azib, 'Abd Allah bin 'Abbas, Anas bin Malik, Abu Sa'id al-Khudri dan Abu Hurairah *radhiallahu 'anhum*. Dalam beberapa rujukan *Syi'ah*, disebut bahawa hadis ini diriwayatkan oleh lebih 110 orang sahabat *radhiallahu 'anhum*. Nashr al-Din al-Albani *rahimahullah* telah mensahihkannya dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 1750.

Hadis kedua:

Sesungguhnya 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripadanya ('Ali) dan dia ('Ali) adalah wali bagi setiap orang beriman sesudahku.

Hadis ini juga adalah sahih. Ia dikeluarkan oleh al-Tirmizi di dalam kitab *Sunannya* – hadis no: 3796 dan disahihkan oleh al-Albani di dalam *Silsilah al-Ahadits al-Shahihah* – hadis no: 2223.

Kedua-dua hadis di atas adalah sahih. Akan tetapi yang tidak sahih adalah cara *Syi'ah* menjadikannya sebagai hujah. Ini akan dijelaskan seterusnya.

MAKSUD HADIS AL-GHADIR:

Maksud *Hadis al-Ghadir* dan kesalahan *Syi'ah* dalam menjadikannya sebagai hujah boleh dikaji dari tiga sudut:

Sudut pertama: Maksud *Hadis al-Ghadir* di sisi Rasulullah.

Sebelum bermula, ingin diperingatkan kepada para pembaca sekalian bahawa sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, sama ada pilihan perkataan atau susunan lafaznya, adalah bersumber daripada wahyu Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah berfirman:

Dan dia (Muhammad) tidak memperkatakan (sesuatu yang berhubung dengan agama Islam) menurut kemahuan dan pendapatnya sendiri. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada Al-Quran atau hadis) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya. [al-Najm 53:3-4]

Oleh itu apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda dengan menggunakan sesuatu perkataan dan susunan lafaz, ia bukanlah sesuatu yang rambang atau tidak disengajakan. Akan tetapi ia adalah yang dipilih dan disusun khusus daripada sumber wahyu. Oleh itu, sama ada *Hadis al-Ghadir* atau mana-mana hadis lain yang sahih yang bakal dibahas dalam buku ini, setiap perkataan dan susunannya memiliki ertinya yang tersendiri sebagaimana ia digunakan. Kita wajib memahami perkataan dan susunan tersebut sebagaimana yang tercatat dalam kitab-kitab yang sahih tanpa memaksa-maksa atau mentakwil (mengubah) pengertiannya ke arah maksud yang disukai.

Kembali kepada *Hadis al-Ghadir*, apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menyebut 'Ali sebagai *Mawla* dan *Wali* bagi umat Islam, maka yang baginda maksudkan ialah penolong dan pelindung bagi umat Islam. Seandainya Rasulullah ingin menjadikan 'Ali sebagai khalifah umat Islam, pasti baginda akan menyebut perkataan "khalifah" secara terus sehingga tidak timbul apa-apa perselisihan pendapat terhadapnya. Akan tetapi memandangkan Rasulullah tidak melakukannya, ia bukanlah disebabkan oleh faktor kelupaan atau kesilapan, melainkan baginda sejak asal sememangnya tidak bermaksud melantik 'Ali sebagai khalifah umat Islam.

Adapun kenyataan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa "***Sesungguhnya 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripadanya...***", ia tidak bererti kesamaan diri antara

baginda dan 'Ali. Akan tetapi ia adalah satu bentuk pujian Rasulullah kepada orang yang dihargainya. Di dalam *Shahih Muslim* – hadis no: 2472 (*Kitab Fadha'il al-Shahabah, Bab keutamaan Julaibib*), di akhir sebuah peperangan, Rasulullah mencari seorang sahabat yang bernama Julaibib. Setelah dicari-cari, para sahabat menemui beliau yang telah gugur syahid di sisi tujuh orang musuh yang dibunuhnya sebelum itu. Melihat yang sedemikian, Rasulullah bersabda:

“Dia membunuh tujuh orang kemudian terbunuh! Ini daripada aku dan aku daripadanya. Ini daripada aku dan aku daripadanya.”

Di dalam *Shahih al-Bukhari* – hadis no: 2486 (*Kitab pekongsian, Bab perkongsian dalam pemakanan...*), Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

Sesungguhnya apabila golongan al-Asy'ariyyin, apabila mereka kekurangan bekalan dalam ekspedisi perang atau kekurangan makanan untuk anak-anak mereka di Madinah, mereka menghimpun (dan berkongsi) apa sahaja pakaian yang ada pada sisi mereka dan minum (secara berkongsi) daripada satu bekas air. Maka mereka daripada aku dan aku daripada mereka.

Oleh itu perkataan **“Sesungguhnya 'Ali adalah daripada aku dan aku adalah daripadanya...”** tidak hanya khusus kepada 'Ali tetapi meluas kepada beberapa sahabat yang lain.

Sudut kedua: Maksud Hadis al-Ghadir di sisi para sahabat.

Di antara mana-mana generasi umat Islam, para sahabat *radhiallahu 'anhum* adalah generasi yang paling memahami agama, khasnya maksud al-Qur'an dan al-Sunnah. Merujuk kepada al-Sunnah, para sahabat menyaksikan sendiri peristiwa yang melatarbelakangi sesuatu hadis (*asbab al-wurud*), memerhatikan sendiri lisan dan gerak badan (*body language*) Rasulullah ketika menyampaikannya dan tanpa lengah berpeluang untuk bertanya terus kepada baginda seandainya mereka tidak memahaminya.

Lebih dari itu, kefahaman para sahabat dipersaksikan sendiri kebenarannya oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Allah berfirman:

Dan orang-orang yang terdahulu - yang mula-mula (berhijrah dan memberi bantuan) dari orang-orang “Muhajirin” dan “Ansar”, dan orang-orang yang menurut (jejak langkah) mereka dengan kebaikan (iman dan taat), Allah redha akan mereka dan mereka pula redha akan Dia, serta Dia menyediakan untuk mereka syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya selama-lamanya; itulah kemenangan yang besar. [al-Taubah 9:100]

Dalam ayat di atas, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menerangkan keredhaan-Nya terhadap para sahabat dan keredhaan para sahabat kepada-Nya. Tidak sekadar itu, Allah juga menjanjikan syurga yang kekal kepada mereka.

Nah! Jika kefahaman para sahabat terhadap agama (al-Qur'an dan al-Sunnah) adalah salah atau mereka sengaja menyembunyikan kefahaman yang benar, pasti Allah tidak akan redha kepada mereka, apatah lagi menjanjikan syurga yang kekal kepada mereka. Ini tidak lain menunjukkan kefahaman para sahabat terhadap agama adalah benar dan apa yang mereka amal serta sampaikan kepada generasi seterusnya adalah juga benar. Tidak ada orang yang menyangkal kefahaman agama para sahabat melainkan mereka menyangkal persaksian Allah dalam ayat di atas.

Termasuk dalam kebenaran fahaman para sahabat terhadap agama ialah kefahaman mereka terhadap perkataan *Mawla* dan *Wali* dalam *Hadis al-Ghadir*. Sebelum ini para pengkaji *Syi'ah* sendiri telah menerangkan bahawa terdapat 110 orang sahabat yang meriwayatkan *Hadis al-Ghadir*. *Ahl al-Sunnah* menambah, bahawa para sahabat tidak sekadar meriwayatkan hadis tetapi mereka juga memahami apa yang mereka riwayatkan. Justeru apakah kefahaman para sahabat seramai 110 orang yang menyaksikan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berkhutbah menyampaikan *Hadis al-Ghadir*?

Kefahaman mereka adalah Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menjadikan 'Ali sebagai

sebaik-baik penolong dan pelindung mereka. Ini kerana umat Islam asalnya adalah penolong dan pelindung bagi sesama mereka. Firman Allah:

Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain. [al-Taubah 9:100] Maka 'Ali adalah penolong dan pelindung yang paling utama bagi orang-orang yang beriman lelaki dan perempuan.

Para sahabat tidak memahami perkataan *Mawla* dalam *Hadis al-Ghadir* dengan erti khalifah kerana jika demikian hadis tersebut akan berbunyi: "*Barangsiapa yang aku adalah khalifahnyanya, maka 'Ali adalah khalifahnyanya.*" Ini akan menjadikan wujudnya dua khalifah dalam satu waktu yang sama. Hal ini adalah tidak mungkin kerana dalam sebuah hadis yang dikeluarkan oleh Muslim di dalam kitab *Shahihnya* – hadis no: 1853 (*Kitab kepimpinan, Bab apabila dua khalifah menuntut bai'ah*), Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* menegaskan:

Apabila terdapat dua khalifah yang menuntut dibai'ah (diberi ikrar janji taat setia), maka bunuhlah yang kedua daripada mereka.

Seandainya didakwa *Hadis al-Ghadir* hanya melantik 'Ali sebagai khalifah manakala jawatan tersebut disandang **sesudah** kewafatan Rasulullah, ia tidak mutlak kepada **sebaik sahaja** sesudah kewafatan baginda tetapi pada **bila-bila masa** sesudah kewafatan baginda. Lebih dari itu urusan umat Islam pada bila-bila masa sesudah kewafatan Rasulullah tidak terhad merujuk kepada 'Ali kerana dalam sebuah hadis yang lain Rasulullah juga telah berpesan:

Ikutilah dua orang sesudahku (yakni) Abu Bakar dan 'Umar (bin al-Khaththab). Ini adalah sebuah hadis yang diriwayatkan oleh beberapa sahabat, antaranya Huzaifah bin al-Yaman, 'Abd Allah ibn Mas'ud, Abu al-Darda', 'Abd Allah ibn 'Umar dan Anas bin Malik *radhiallahu 'anhum*. Lafaz di atas dikeluarkan oleh al-Tirmizi dan dinilai sahih oleh al-Albani dalam *Shahih Sunan al-Tirmizi* – hadis no: 3662 (*Kitab al-Manaqib, Bab manaqib Abu Bakar dan 'Umar*).

Oleh itu di sisi para sahabat *radhiallahu 'anhum*, perkataan *Mawla* dan *Wali* tidak bermaksud khalifah tetapi penolong dan pelindung umat Islam. Ini tidak sedikit jua mengurangi keutamaan 'Ali kerana khalifah adalah satu kedudukan yang dibebani dengan pelbagai tanggungjawab manakala *Mawla* adalah satu kedudukan yang dipenuhi dengan pelbagai keutamaan.

Sudut ketiga: Maksud *Hadis al-Ghadir* di sisi 'Ali bin Abi Thalib.

Di antara semua sahabat, orang yang paling memahami *Hadis al-Ghadir* ialah 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh*. Ini kerana apabila Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* berkhotbah menyampaikan *Hadis al-Ghadir*, baginda menyampaikannya dalam suasana memegang dan mengangkat tangan 'Ali. Zaid bin Arqam *radhiallahu 'anh* menerangkan peristiwa khutbah *Ghadir Khum*, di mana antara lain Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

"Sesungguhnya aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang penting, salah satu daripadanya lebih besar daripada yang lain: Kitab Allah Ta'ala (al-Qur'an) dan ahli keluarga terdekatku. Maka perhatikanlah bagaimana sikap kalian terhadap kedua-duanya sepeninggalan aku kerana sesungguhnya kedua-duanya tidak akan berpisah sehingga bertemu dengan aku di Telaga Haudh (di Akhirat kelak)."

(Zaid berkata): Kemudian baginda bersabda: "Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla adalah Mawla aku dan aku adalah mawla bagi setiap mukminin."

(Kemudian Zaid menerangkan): Kemudian baginda mengangkat tangan Ali radhiallahu 'anh lalu bersabda: "Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka inilah ('Ali) walinya. Ya Allah! Cintailah sesiapa yang memperwalikannya dan musuhilah sesiapa yang memusuhinya."

Hadis di atas dikeluarkan oleh al-Hakim di dalam kitabnya *al-Mustadrak* – hadis no: 4576 (*Kitab Ma'rafah al-Shahabah, Bab manaqib 'Ali bin Abi Thalib*). Ia disahihkan oleh al-Zahabi sebagaimana sebut Ibn Katsir di dalam *al-Bidayah wa al-Nihayah*, jld. 5, ms. 209. Terdapat beberapa poin penting daripada hadis di atas:

1. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “...**aku tinggalkan kepada kalian dua perkara yang penting...**”, inilah yang dimaksudkan sebagai *Hadis al-Tsaqalain* dan ia akan kita kupas dalam perbincangan seterusnya *insya-Allah*.
2. Sabda Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*: “...**Sesungguhnya Allah 'Azza wa Jalla adalah Mawla aku...**” bererti Allah adalah penolong dan pelindung Rasulullah. Di sini perkataan *Mawla* tidak bermaksud khalifah kerana Allah bukanlah khalifah kepada Rasulullah, tidak juga kepada umat Islam. Ini selanjutnya menjadi bukti bahawa *Hadis al-Ghadir* yang menggunakan perkataan *Mawla* dan *Wali* pada asalnya tidak membahaskan subjek kekhilafahan tetapi subjek penolong dan pelindung bagi umat Islam.
3. Keterangan Zaid bin Arqam *radhiallahu 'anh* bahawa Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* memegang dan mengangkat tangan Ali seraya bersabda: “**Barangsiapa aku adalah mawlanya maka inilah ('Ali) walinya**” menunjukkan bahawa orang yang paling memahami maksud *Hadis al-Ghadir* adalah 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh*.

Timbul persoalan, apakah kefahaman 'Ali terhadap *Hadis al-Ghadir*? Jawapannya dapat diperolehi dengan mengkaji dua petunjuk:

Petunjuk pertama: 'Ali tidak pernah menggunakan *Hadis al-Ghadir* untuk menuntut hak menjadi khalifah.

Seandainya *Hadis al-Ghadir* bermaksud melantik 'Ali *radhiallahu 'anh* sebagai khalifah, pasti 'Ali akan menuntut haknya berdasar hadis tersebut. Pasti 'Ali akan bangun berkhotbah di hadapan orang ramai sejourus selepas kewafatan Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam* mengingatkan mereka tentang *Hadis al-Ghadir* dan menuntut umat Islam melantiknya menjadi khalifah.

Akan tetapi fakta yang sahih menunjukkan 'Ali tidak pernah melakukan sedemikian. Adakah 'Ali menderhakai kehendak Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*? Pasti tidak! Tidak ada apa-apa penjelasan melainkan 'Ali sendiri mengetahui bahawa *Hadis al-Ghadir* tidak bermaksud melantik dirinya sebagai khalifah.

Tokoh-tokoh *Syi'ah* memberi alasan kononnya 'Ali tidak menuntut haknya sebagai seorang khalifah demi menjaga kesatuan umat Islam. Kononnya setelah melihat umat Islam melantik Abu Bakar *radhiallahu 'anh*, 'Ali mengambil keputusan untuk berkompromi, yakni dengan tidak meminta hak kekhilafahannya demi mengelakkan perpecahan umat Islam saat itu. Di sisi *Ahl al-Sunnah*, ini adalah alasan yang amat lemah. Sebabnya:

1. *Ahl al-Sunnah* mengenali 'Ali sebagai seorang yang berani lagi teguh menegakkan kebenaran. Berdasarkan sikapnya ini, 'Ali tidak sekali-kali akan membiarkan haknya menjadi khalifah diambil oleh orang lain. Membiarkan sedemikian bererti menderhakai wasiat Rasulullah dalam *Hadis al-Ghadir*.
Melainkan, 'Ali sendiri memahami bahawa ketika Rasulullah mengangkat tangannya dalam *Hadis al-Ghadir*, baginda tidak bermaksud menjadikannya sebagai khalifah Islam tetapi sebagai penolong dan pelindung umat Islam.
2. Seandainya benar 'Ali mengambil keputusan untuk berkompromi, ia adalah keputusan yang amat *fatal*. Disebabkan keputusan inilah umat Islam berpecah kepada *Ahl al-Sunnah* dan *Syi'ah* sebagaimana yang disaksikan sehingga hari ini. Padahal jika 'Ali membuat keputusan untuk tidak berkompromi, yakni dengan tetap menuntut haknya menjadi khalifah yang pertama tanpa berlembang, nescaya perpecahan umat Islam tidak akan berlaku.
Melainkan, 'Ali sendiri mengetahui bahawa *Hadis al-Ghadir* tidak bermaksud memberi dirinya hak menjadi khalifah. Atas pengetahuan inilah 'Ali tidak pernah membuat keputusan untuk berkompromi kerana pada asalnya memang tidak ada apa-apa untuk dikompromikan.

Petunjuk kedua: 'Ali menggunakan *Hadis al-Ghadir* hanya setelah dirinya dilantik menjadi

khalifah keempat.

'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* tidak menggunakan *Hadis al-Ghadir* untuk menuntut haknya menjadi khalifah. Sebaliknya 'Ali menggunakan *Hadis al-Ghadir* untuk menuntut orang ramai membantunya dalam tugas-tugas kekhalfahan. Ini berlaku setelah beliau diangkat menjadi khalifah umat Islam yang keempat selepas 'Utsman *radhiallahu 'anh* dibunuh. Sa'id bin Wahab dan Zaid bin Yutsay' (زيد بن يسع) menerangkan:

'Ali pernah meminta persaksian orang ramai di sebuah tanah lapang, sesiapa yang pernah mendengar sabda Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam pada hari Ghadir Khum, hendaklah dia berdiri. Maka berdirilah di belakang Sa'id (bin Wahab) enam orang dan di belakang Zaid (bin Yutsay') enam orang, mereka bersaksi bahawa mereka telah mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda kepada 'Ali radhiallahu 'anh pada hari Ghadir Khum:

"Bukankah Allah lebih utama terhadap kaum mukminin?" Orang ramai (yang hadir di Ghadir Khum ketika itu menjawab): "Ya!"

Rasulullah melanjutkan: "Ya Allah! Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka 'Ali adalah mawlanya. Ya Allah! Cintailah sesiapa yang memperwalikannya dan musuhilah sesiapa yang memusuhinya."

Hadis ini dikeluarkan oleh Ahmad bin Hanbal. Dalam beberapa riwayat yang lain, disebut bahawa yang berdiri adalah tiga puluh orang, dua belas daripadanya adalah mereka yang pernah menyertai Perang Badar. Hadis ini dinilai sahih oleh Syu'aib al-Arna'uth dalam semakannya ke atas *Musnad Ahmad* – hadis no: 950 (*Musnad sepuluh orang yang diberi berita gembira dengan syurga, Musnad 'Ali bin Abi Thalib*).^[2]

Kenapakah 'Ali meminta persaksian orang ramai tentang *Hadis al-Ghadir*? Fakta-fakta sejarah menerangkan bahawa orang-orang yang membai'ah 'Ali terdiri daripada dua kumpulan:^[3]

1. Pertama adalah para sahabat *radhiallahu 'anh* dan mereka bersikap jujur dalam memberi bai'ah kepada 'Ali dan membantu tugas-tugas kekhalfahannya.
2. Kedua adalah orang-orang yang terlibat dalam peristiwa pembunuhan 'Utsman *radhiallahu 'anh* dan mereka berpura-pura memberi bai'ah kepada 'Ali dalam rangka menyamar dan mengelakkan diri daripada dijatuhkan hukuman. Ciri-ciri utama untuk mengenali orang-orang dalam kumpulan kedua ini adalah mereka enggan membantu 'Ali dalam tugas-tugas kekhalfahannya.^[4]

Justeru 'Ali berkhotbah kepada orang ramai dan meminta persaksian mereka tentang *Hadis al-Ghadir*. Melalui persaksian ini, orang-orang yang hadir pada hari Ghadir Khum, yakni para sahabat daripada kumpulan pertama, dapat memberitahu kepada orang-orang yang tidak hadir pada hari Ghadir Khum, yakni orang-orang yang menyamar daripada kumpulan kedua. Apabila para sahabat daripada kumpulan pertama memberitahu mereka daripada kumpulan kedua tentang peristiwa Ghadir Khum dan *Hadis al-Ghadir*: **"Ya Allah! Barangsiapa yang aku adalah mawlanya maka 'Ali adalah mawlanya. Ya Allah! Cintailah sesiapa yang memperwalikannya dan musuhilah sesiapa yang memusuhinya"**, sebahagian orang daripada kumpulan kedua sedar akan kesilapan mereka dan kembali bertaubat dengan membantu 'Ali dalam tugas-tugas kekhalfahannya. Sebahagian lagi enggan bertaubat kerana sejak awal tujuan mereka memasuki Islam ialah untuk merosakkannya dari jalan dalam.

Fakta yang penting di sini adalah, tindakan 'Ali meminta persaksian orang ramai untuk membantunya dalam tugas-tugas kekhalfahan melalui *Hadis al-Ghadir* menunjukkan beliau memahami hadis tersebut dalam konteks penolong dan pelindung, bukan dalam konteks kekhalfahan. Seandainya 'Ali memahami *Hadis al-Ghadir* dalam konteks kekhalfahan, nescaya beliau meminta persaksian orang ramai sebaik sahaja selepas kewafatan Rasulullah, tidak selepas dirinya dilantik menjadi khalifah keempat.

Demikianlah kajian kita terhadap maksud *Hadis al-Ghadir* dari sisi Rasulullah *shallallahu 'alaihi wasallam*, para sahabat *radhiallahu 'anh* dan 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh*. Jelas bahawa mereka memahami *Hadis al-Ghadir* sebagai menerangkan keutamaan 'Ali bin Abi Thalib *radhiallahu 'anh* sebagai

penolong dan pelindung umat Islam. *Hadis al-Ghadir* tidak bermaksud melantik 'Ali sebagai khalifah umat Islam sebagaimana yang didakwa oleh *Syiah*.

[1] Dakwaan bahawa ayat 67 surah al-Maidah turun atas alasan Rasulullah bimbang untuk melantik 'Ali adalah tidak benar. Lihat jawapan penulis dalam buku **Siri Kedua**, ms. 117 dan seterusnya (*Ayat al-Tabligh*)

[2] Bagi *Musnad Ahmad* edisi enam jilid, rujuk jld. 1, ms. 118.

[3] Lebih lanjut rujuk kitab *al-'Awasim min al-Qasim* oleh Ibn al-'Arabi.

[4] Untuk membuktikan hal ini, 'Ali Ahmad al-Salus dalam bukunya *Ma'a al-Itsna 'Asyariyyah fi al-Ushul wa al-Furu'*, jld. 1, ms. 136 telah menukil sebuah khutbah dari kitab *Nahj al-Balaghah*, ms. 53-54, yang mengisahkan tentera Sufyan bin 'Auf menyerang *al-Anbar* (gudang simpanan barang jualan). Ketika berlaku serangan, orang-orang *Syiah* melarikan diri meninggalkan 'Ali tanpa membantunya menahan serangan tentera Sufyan bin 'Auf. 'Ali kemudian berkhotbah:

Suatu perbuatan yang tercela dan sangat menyedihkan ketika kalian menjadi sasaran tembak, kalian diserang namun kalian tidak menyerang, kalian diperangi namun kalian tidak melawan. Ada yang berbuat maksiat kepada Allah dan kalian membiarkannya.

Apabila aku perintahkan kalian untuk menyerang mereka pada musim panas, kalian berkata: "Suasana kini sangat panas, tunggulah sehingga panasnya hilang." Dan apabila aku perintahkan kalian untuk menyerang mereka pada musim dingin, kalian berkata: "Suasana sangat dingin, tunggulah sehingga dinginnya hilang." Ini semua hanya sebagai alasan supaya kalian terhindar dari panas dan dingin. Kalau kalian takut kepada panas dan dingin, tentu demi Allah kalian akan lebih takut dari pedang (yakni untuk berperang)!

Wahai kaum yang mirip lelaki tetapi tidak jantan, berfikiran seperti anak kecil dan perempuan, aku akan mencintai kalian seandainya aku belum pernah melihat dan mengenal kalian. Demi Allah! Perkenalan ini menjadi penyesalan dan menambah kekecewaan, semoga Allah melaknat kalian! Telah kalian isi hatiku dengan nanah dan kalian bakar dadaku dengan kemarahan sehingga membuat aku harus menelan dukacita yang berpanjangan. Kalian hancurkan pendapatku dengan kedurhakaan tanpa mahu menolongku sama sekali sampai-sampai kaum Quraisy berkata: "Sesungguhnya anak Abu Thalib adalah seorang pemberani tetapi dia tidak mengenal strategi peperangan (disebabkan mereka yang enggan membantunya)."

Sumber: http://www.hafizfirdaus.com/ebook/buku_syiah/siri3/satu.htm